

A Nyatakan sama ada ayat-ayat di bawah ialah **ayat tunggal (AT)** atau **ayat majmuk (AM)**.

- 1 Peserta yang pengsan itu bernama Sulaiman. ()
- 2 Adik saya suka menonton rancangan kartun. ()
- 3 Wanita yang berambut panjang itu ialah Cikgu Soon. ()
- 4 Shazrina akan berasa kecewa jika dia gagal dalam pertandingan itu. ()
- 5 Encik Rahim sedang menyapu daun-daun kering. ()
- 6 Kucing itu mengiau kerana lapar. ()
- 7 Cikgu Shahizan memakai baju batik hari ini. ()
- 8 Mereka bertiga pergi ke kantin. ()
- 9 Shahrin masih mempunyai datuk dan nenek. ()
- 10 Hartawan itu sangat kedekut. ()

B Gabungkan ayat-ayat tunggal di bawah dengan kata hubung yang diberi supaya menjadi ayat majmuk.

- 1 Ibu membaca surat khabar.
Ibu mendengar muzik.

sambil

- 2 Aryan tinggal di Taman Aman.
Suresh tinggal di Taman Aman.

- 3 Anas melayari Internet.
Anas mencari maklumat terbaharu.

- 4 Kasut itu berwarna biru.
Kasut itu sangat mahal.

- 5 Kami terkejut.
Kami terdengar bunyi letupan itu.

- 6 Winnie kaya.
Winnie kedekut.

- 7 Murid itu mengetuk pintu.
Murid itu masuk ke dalam kelas.

- 8 Ibu memarahi adik.
Adik bermain di tepi longkang.

- 9 Aswandi tetap pergi ke kelas tuisyen.
Aswandi tidak sihat.
